

**PEJABAT PENDAFTARAN
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ARAS 2, ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA
"BUAT KERJA"**

No. Faks : 03-88804003

No. Tel : 03-88803950/3994

Ruj. Kami : (10) dlm. MPPS No: 08(f)-319-2009 (W)

Tarikh: 5 Mac 2010

1. Tetuan SN Nair & Partners
Peguambela & Peguamcara
Suite J-05-01, No. 2, Jalan Solaris
Solaris Mon't Kiara
50480 KUALA LUMPUR No. Faks: 03-62036594
[(Ruj. Tuan: SNN/DSAI/TUN M/APPEAL/05)]
2. Tetuan V.K Lingam & Co.
Peguambela & Peguamcara
Suite 1.35B, 1st Floor
Podium Block, Plaza Berjaya
No. 12, Jalan Imbi
55100 KUALA LUMPUR No. Faks: 03-21429628
[(Ruj. Tuan: VKL/L/1101/2005)]

Tuan,

MAHKAMAH PERSEKUTUAN PERMOHONAN CIVIL NO: 08(f)-319-2009 (W)
(Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur Guaman Sivil No: S4-23-15-2006)
(Mahkamah Rayuan Rayuan Sivil No: W-02-609-2007)

Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim	...Pemohon
Dan	
Tun Dr Mahathir Bin Mohamad	...Responden

Perkara tersebut di atas dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Notis Usul [Lampiran 2(a)] yang difailkan pada 20 November 2009 oleh Tetuan SN Nair & Partners telah ditetapkan untuk perbicaraan di hadapan **Mahkamah Persekutuan Malaysia di Putrajaya** yang akan bersidang pada hari **Rabu, 14 April 2010 jam 9.30 pagi.**

Jika pihak-pihak ada menyediakan hujahan bertulis, sila pastikan enam (6) salinan hujahan berserta dengan ikatan autoriti diserahkan kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan **pada atau sebelum 31.3.2010.**

Ikatan Autoriti hendaklah dijilidkan dalam warna putih bagi Pemohon dan ditandakan sebagai IA(P). Manakala Ikatan Autoriti bagi Responden dijilidkan dalam warna hijau dan ditandakan sebagai IA(R) akan digunakan sebagai rujukan di hadapan Yang Amat Arif/Yang Arif Hakim-Hakim semasa persidangan.

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

Jika anda mempunyai sebarang aduan sila email kepada noorhayati@kehakiman.gov.my untuk tindakan susulan. Jika anda berpuashati dengan sistem penyampaian di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan, sila beri maklumbalas kepada cj@kehakiman.gov.my

.../2

-2-

Mana-mana pihak yang ingin memohon penangguhan, sila maklumkan secara bertulis kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan melalui faks 03-88804003 dalam masa 3 hari dari tarikh notis ini difakskan kepada tuan. Kegagalan untuk berbuat demikian, berkemungkinan besar penangguhan tidak akan dibenarkan oleh Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Sekiranya Pemohon tidak lagi berhajat untuk meneruskan dengan permohonan sila maklumkan kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan dialian 03-88803947.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(JUMIRAH BINTI MARJUKI)
TIMBALAN PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA
jumirah@kehakiman.gov.my

s.k. 1. Timbalan Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Aras 2, Istana Kehakiman
Presint 3
62506 PUTRAJAYA

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

Jika anda mempunyai sebarang aduan sila email kepada noorhayati@kehakiman.gov.my untuk tindakan susulan. Jika anda berpuashati dengan sistem penyampaian di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan, sila beri maklumbalas kepada qj@kehakiman.gov.my.

linda/